

TUJUAN JURNAL REFLEKSI LATIHAN INDUSTRI

1. Menunjukkan dengan ringkas kerja / aktiviti harian pelajar untuk memudahkan pelajar membuat laporan latihan industri di akhir latihan nanti;
2. Membantu penyelia latihan industri menilai prestasi pelajar.
3. Membantu pensyarah menilai aktiviti pelajar semasa lawatan penyeliaan dan semasa menilai Laporan Latihan Industri.

PENTING

1. **Jurnal Refleksi** ini mesti dibawa ke tempat latihan dan diisi setiap hari;
2. Saudara/saudari diwajibkan mencatat aktiviti harian yang telah dilaksanakan di organisasi latihan di dalam **Jurnal Refleksi**. Penulisan **Jurnal Refleksi** perlu dilaksana dan dikemaskinikan oleh saudara/saudari setiap hari tanpa gagal. Disamping itu, saudara/saudari perlu juga membuat **refleksi mingguan** pada setiap minggu dan semakan mingguan dilaksanakan oleh penyelia organisasi latihan.
3. Jurnal Refleksi ini hendaklah ditandatangani dan disahkan/cop oleh penyelia di organisasi **setiap minggu pada ruangan refleksi mingguan**.
4. **Surat Pengesahan Lapor Diri Latihan Industri** hendaklah diisi dan diposkan oleh pelajar setelah melapor diri di tempat latihan dan disahkan oleh pihak organisasi.
5. Borang Pengesahan Tamat Latihan (warna biru) , Appendix 1 dan Appendix 2 hendaklah diisi dan disahkan oleh pihak organisasi dan diserahkan kepada pelajar sebelum tamat latihan.
6. Borang My Internship A hendaklah diisi oleh pelajar dan My Intership B diisi oleh penyelia organisasi.

CATATAN:-

Garis panduan gerak kerja yang disenaraikan adalah dianggap sesuai untuk pelajar-pelajar Politeknik semasa dalam latihan. Walaupun begitu Syarikat/Jabatan tidak dimestikan menjalankan semua aktiviti yang dicadangkan. Ini adalah bergantung kepada kemampuan Syarikat/Jabatan yang berkenaan.